

PENGAJARAN AYAT HAFAZAN DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SELANGOR

Zaradi bin Sudin & Rozita binti Md.Noh*

Abstrak

Pengajaran ayat hafazan merupakan satu daripada elemen-elemen penting dalam bahagian Tilawah al-Quran Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pengajaran ayat hafazan yang diamalkan dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kajian ini dilakukan ke atas 90 orang guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan yang telah dipilih daripada sepuluh daerah negeri Selangor. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan SPSS. Analisis deskriptif digunakan untuk memberi tafsiran kepada data dan menjawab persoalan kajian. Dapatkan kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, tahap pengajaran guru dalam pengajaran ayat hafazan agak memuaskan namun masih terdapat amalan-amalan dalam pengajaran yang perlu ditingkatkan terutamanya bahagian set induksi, aplikasi pengajaran yang lebih sistematik dan menarik serta meningkatkan kawalan bilik darjah.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran ayat hafazan, tilawah al-Quran, guru Pendidikan Islam.

Abstract

Teaching verse memorization is one of the important elements in the recitation of Quran in the Islamic Education Syllabus from the Ministry of Education. The aim of this study was to review the lessons on memorizing verses among the Islamic Education teachers .This study was carried out on 90 primary school teachers of Islamic Education from 10 regional states. Survey design was used to answer the research questions. The data collected were analyzed using SPSS. Descriptive analysis was used to interpret data to answer the research questions. The study found that overall, the level of teaching for verse memorization is quite satisfactory but there are practices that need to be improved, especially when implementing the set induction, considering a more systematic application of teaching and attracting as well as improving classroom control.

Key words: teaching and learning, memorizing verses, reciting the Quran, the Islamic Education teachers.

*Email: zaradi09@gmail.com